

Discovery Terengganu × Point.my

RAKAN MEDIA RASMI · TERENGGANU · 2027

PAKEJ RAKAN MEDIA · EDISI 2027

# ACARA ANDA, DI DEPAN 172,000 PEMINAT TERENGGANU.

Pakej promosi acara Discovery Terengganu untuk penganjur, agensi dan NGO sepanjang Tahun Melawat Terengganu 2027: halaman acara, hebahan media sosial, liputan di lokasi dan laporan KPI yang boleh terus digunakan untuk geran.

**172K+** pengikut media sosial DT

**90%** kata kunci diterajui DT di Google & carian AI

**17** acara didokumentasi DT sepanjang 2026

PAS RAKAN MEDIA — DISCOVERY TERENGGANU · 2027

DARI **DT** — 172K+ pengikut

KE **Acara anda** — di seluruh Terengganu

UNTUK: Penganjur, agensi & NGO

DISEDIAKAN OLEH: Ridhwan Musa, Pengasas Bersama

EDISI: November 2026

SAH HINGGA: 31 Dis 2027

KELAS PAKEJ: Asas · Sokong · Utama · Rakan Rasmi

TAMBANG DARI: **RM0**

01 · KENAPA RAKAN MEDIA UNTUK 2027

# 2027 IALAH TAHUN ACARA TERENGGANU. PASTIKAN ORANG TAHU ACARA ANDA WUJUD.

Kempen Tahun Melawat Malaysia dilanjutkan ke 2027 dan bertindih dengan Tahun Melawat Terengganu 2027. Belanjawan 2027 pula memperuntukkan RM935 juta untuk pelancongan dan budaya, termasuk geran galakan penganjuran acara.

Discovery Terengganu (DT) ialah portal pelancongan dan direktori Terengganu yang mengiklankan acara secara percuma sejak 2024. Pakej ini untuk penganjur yang mahukan promosi lebih besar, serta sebut harga dan laporan KPI yang boleh digunakan dalam permohonan dan tuntutan geran.




PAKEJ BERBAYAR MULA -40%

~~RM1,500~~ **RM900**

setiap acara · Sokong · diskaun hingga 31 Dis 2026

PAKEJ ASAS

**Percuma**

1 hebahan dalam group FB Info Event Terengganu. Tempah 21 hari awal

### Apa kami tawarkan

- Halaman acara sendiri di discoveryterengganu.com
- Hebahan Facebook, Instagram, TikTok, Threads dan group acara
- Liputan di lokasi dan video highlight
- Pin lokasi dan slot iklan di point.my

### Apa penganjur dapat

- Capaian kepada audiens yang memang meminati pelancongan Terengganu
- Klik terus ke pendaftaran, tiket atau WhatsApp penganjur
- Laporan KPI dengan bukti hebahan bertarikh
- Dokumen lengkap untuk tuntutan geran

### Kenapa sekarang

SEJAK 2024
**HEBAHAN PERCUMA**
DT menghebahkan acara Terengganu tanpa caj.

BELANJAWAN 2027
**RM935 JUTA**
Untuk pelancongan dan budaya, termasuk geran galakan penganjuran acara.

SEPANJANG 2027
**TAHUN MELAWAT TERENGGANU**
Bertindih dengan Tahun Melawat Malaysia yang dilanjutkan ke 2027.

HINGGA 31 DIS 2027
**HARGA DIKUNCI**
Harga asal dalam dokumen ini sah sepanjang tahun 2027.

> Penganjur buat acaranya. **Discovery Terengganu** pastikan orang yang meminati Terengganu tahu tentangnya, dan setiap hebahan boleh dibuktikan dengan angka.

02 · CAPAIAN DISCOVERY TERENGGANU

# 172,000 PENGIKUT. SATU TOPIK: TERENGGANU.

DT mencapai lebih 172,000 pengikut yang berminat dengan pelancongan Terengganu, dan mendahului 90% kata kunci pelancongan Terengganu di Google serta carian AI.

| Facebook | Instagram | TikTok | Threads |
|---|---|---|---|
| 87K | 51K | 24.4K | 10.4K |

Pengikut setakat 26 November 2026. Instagram, TikTok dan Threads: @discoveryterengganu.

## Saluran lain

| ~30,000 | Group FB | 2 group | ~4,000 |
|---|---|---|---|
| **Laman web** | **Info Event Terengganu** | **WhatsApp acara** | **point.my** |
| pelawat sebulan (45,400 pengguna aktif, Jul–Ogos 2026) | group Facebook khas untuk acara Terengganu | hebahan terus ke telefon ahli group | klik sebulan di peta pintar Terengganu |

## Kandungan DT yang sampai jauh

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Stesen ECRL Kuala Terengganu sebenarnya di Marang THREADS | 418,622 tontonan |
| 2 | Rating Mayang Mall paling rendah THREADS | 138,566 tontonan |
| 3 | Data 570 kedai makan Terengganu THREADS | 64,363 tontonan |

**90%**
GOOGLE + AI

**DT mendahului 90% kata kunci di Google dan carian AI.**

Bagi carian pelancongan Terengganu, orang jumpa DT dahulu. Acara anda berada di tempat mereka sedang mencari.

Pakej berbayar menambah halaman acara sendiri, hebahan media sosial dan, untuk Rakan Rasmi, artikel SEO yang kekal dalam carian selepas acara tamat.

03 · DI LAPANGAN

# KAMI DAH ADA DI LAPANGAN. 17 ACARA, 468 FOTO.

Sepanjang 2026, DT mendokumentasikan 17 acara di Terengganu dalam galeri discoveryterengganu.com. Ini contoh liputan yang penganjur boleh jangka.




*Ribuan motosikal, satu bandar*

**Terengganu International Bike Week**

Kuala Terengganu · 38 foto




**Temasya Budaya Terengganu**
Kuala Terengganu




**Gema Payang 1.0**
Kuala Terengganu




**Terengganu Trail Fest**
Terengganu



**Kayak Kembara Lembah Jengai**
Lembah Jengai




**Outdoor Fest**
Terengganu



**Pelita Raya Terengganu**
Terengganu



**Payang Merdeka 2.0**
Kuala Terengganu



**Ekspedisi Kayak Merdeka UMT**
Kuala Nerus

## Semua 17 album acara 2026 dalam galeri DT

- Bike Week 38
- Sambutan Hari Belia Negara 65
- Temasya Budaya Terengganu 14
- Gema Payang 1.0 20
- Musing Ketang @ Kampung Budaya 20
- Food Fest by Kak Nab 13
- ISMG Scooterian Mega Gathering 4.0 18
- Terengganu Trail Fest 22
- Karnival Candat Sotong 10
- Ijtimak Perpaduan Ummah Ke-5 13
- Pelita Raya Terengganu 23
- Kayak Kembara Lembah Jengai 26
- Lawatan Eko-Pelancongan Setiu 40
- Outdoor Fest 53
- RXZ Members 8.0 36
- Ekspedisi Kayak Merdeka UMT 48
- Payang Merdeka 2.0 9

Angka = bilangan foto setiap album. Galeri penuh: discoveryterengganu.com/galeri

04 · KITARAN PROMOSI

# PROMOSI YANG IKUT ACARA ANDA, DARI PENGUMUMAN HINGGA LAPORAN.

Tiga hentian, satu pasukan. Label warna pada setiap komponen menunjukkan pakej yang merangkuminya: SEMUA SOKONG+ UTAMA+ RAKAN RASMI

HENTIAN 1 · SEBELUM ACARA

## UMUM, KIRA DETIK, HEBAH

- Hebahan dalam group FB Info Event Terengganu SEMUA
- Halaman acara dengan countdown, tentatif dan peta SOKONG+, reka khas ikut tema poster UTAMA+
- Post Facebook dan Instagram, Story, hebahan 2 group WhatsApp SOKONG+
- Carousel Instagram, video TikTok/Reels 30–60 saat, Threads chain thread UTAMA+

**CONTOH HEBAHAN GROUP WHATSAPP**

Hujung minggu ni di Kuala Terengganu: Karnival Contoh 2027. Tentatif, peta dan pautan daftar ada di halaman acara DT.

HENTIAN 2 · HARI ACARA

## HADIR DI LOKASI, BANTU ORANG SAMPAI

- Post Facebook pada hari acara UTAMA+
- Liputan di lokasi: foto dan Story pada hari acara RAKAN RASMI
- Pin lokasi acara dan slot iklan point.my sepanjang tempoh promosi RAKAN RASMI

HENTIAN 3 · SELEPAS ACARA

## BUKTI UNTUK PENAJA, ANGKA UNTUK GERAN

- Laporan dalam 7 hari bekerja: ringkas SOKONG, KPI penuh UTAMA, format tuntutan geran RAKAN RASMI
- Video highlight dan 1 artikel SEO kekal di blog DT RAKAN RASMI
- Logo DT sebagai Rakan Media Rasmi acara RAKAN RASMI




Ilustrasi konsep halaman acara. Nama acara, tarikh dan tentatif ialah contoh; rupa akhir ikut poster penganjur.

## Pakej mana untuk acara anda?

DISKAUN 40% SEHINGGA 31 DISEMBER 2026

**ASAS**
Acara komuniti dan kecil
**Percuma**

**SOKONG**
Acara peringkat daerah
~~RM1,500~~ **RM900**

**UTAMA**
Festival dan karnival peringkat negeri
~~RM3,800~~ **RM2,280**

**RAKAN RASMI**
Acara besar, konsert, sukan, bergeran
~~RM8,500~~ **RM5,100**

05 · PAKEJ & HARGA

# EMPAT TIKET. DARI PERCUMA HINGGA RAKAN MEDIA RASMI.

Setiap pakej merangkumi semua kandungan pakej sebelumnya. Harga dalam Ringgit Malaysia, bagi setiap acara.

**DISKAUN 40%** untuk pakej Sokong, Utama dan Rakan Rasmi sehingga **31 Disember 2026**.

## TIKET 01 — ASAS

Acara komuniti dan kecil

**TERMASUK**

- 1 hebahan dalam group FB Info Event Terengganu

**Percuma**

Tiada caj

## TIKET 02 — SOKONG

Acara peringkat daerah

**SEMUA DALAM ASAS, TAMBAH**

- Halaman acara (template) dengan countdown, tentatif dan peta
- 1 post Facebook
- 1 post Instagram dan 1 Story
- Hebahan dalam 2 group WhatsApp
- Laporan ringkas

~~RM1,500~~ -40%

**RM 900**

Tempah 21 hari awal

## TIKET 03 — UTAMA

DISYORKAN

Festival dan karnival peringkat negeri

**SEMUA DALAM SOKONG, TAMBAH**

- Halaman acara reka khas ikut tema poster
- 2 post Facebook (sebelum dan hari acara)
- 1 carousel Instagram
- 1 video TikTok/Reels 30–60 saat
- 1 Threads chain thread
- Laporan KPI penuh

~~RM3,800~~ -40%

**RM 2,280**

Tempah 21 hari awal

## TIKET 04 — RAKAN RASMI

Acara besar, konsert, sukan dan acara bergeran

**SEMUA DALAM UTAMA, TAMBAH**

- Liputan di lokasi: foto dan Story pada hari acara
- Video highlight selepas acara
- 1 artikel SEO kekal di blog DT
- Pin lokasi dan slot iklan point.my sepanjang tempoh promosi
- Logo DT sebagai Rakan Media Rasmi
- Laporan KPI dalam format tuntutan geran

~~RM8,500~~ -40%

**RM 5,100**

Tempah 30 hari awal

## Add-on

Boleh ditambah pada mana-mana pakej berbayar.

| | |
|---|---|
| Post tambahan FB atau IG | RM350 setiap satu |
| Video TikTok/Reels tambahan (30–60 s) | RM700 |
| Video highlight 60–90 saat | RM1,200 |
| Artikel SEO kekal di blog DT | RM600 |
| Liputan foto di lokasi (sehari) | RM800 |
| Slot iklan point.my | RM300 sebulan |
| Pengurusan iklan berbayar (boost) di media sosial DT | Kos iklan + 30% yuran urus |

- Harga pakej tidak termasuk kos iklan berbayar.
- Deposit 50% semasa tempahan, baki sebelum hari acara.
- Harga asal sah sehingga 31 Disember 2027.
- Sebut harga rasmi dalam 2 hari bekerja.

06 · SOKONGAN GERAN & LAPORAN KPI

# KOS PROMOSI YANG BOLEH DITUNTUT, LENGKAP DENGAN BUKTI.

Kos pakej DT boleh dimasukkan sebagai item promosi dan publisiti dalam kertas kerja geran penganjur. DT sediakan dokumen untuk setiap peringkat.

### 1 SEMASA MEMOHON GERAN




**Sebut harga** berkepala surat DT dalam 2 hari bekerja, dan **surat sokongan** sebagai rakan media acara.

### 2 SEMASA MEMBAYAR




**Invois dan resit rasmi.** Deposit 50% semasa tempahan, baki sebelum hari acara.

### 3 SEMASA MENUNTUT




**Laporan KPI** dalam 7 hari bekerja, dengan **pautan dan tangkapan skrin bertarikh**.

**DT tidak menjamin kelulusan geran.** Keputusan geran tertakluk sepenuhnya kepada agensi pemberi geran.

## Laporan KPI selepas acara

Dihantar dalam 7 hari bekerja selepas acara, untuk pakej Sokong ke atas: SOKONG laporan ringkas, UTAMA KPI penuh, RAKAN RASMI format tuntutan geran.

| METRIK | SUMBER DATA |
|---|---|
| **Capaian dan tontonan setiap hebahan** | Insight Meta, TikTok dan Threads |
| **Pelawat unik halaman acara** | Google Analytics |
| **Klik ke pendaftaran, tiket atau WhatsApp penganjur** | Pautan berjejak (UTM) |
| **Klik arah ke lokasi acara** | point.my dan Google Maps |
| **Bukti hebahan** | Pautan dan tangkapan skrin bertarikh |

## Beza dengan boost sendiri di media sosial

| | BOOST SENDIRI | PAKEJ RAKAN MEDIA DT |
|---|---|---|
| **Siapa yang nampak** | Sasaran luas ikut demografi | Pengikut yang meminati pelancongan Terengganu, dan pencari di Google serta carian AI |
| **Jangka hayat** | Hilang bila bajet tamat | Halaman acara di DT; artikel SEO kekal dalam carian (Rakan Rasmi) |
| **Dokumen geran** | Resit platform iklan | Sebut harga, surat sokongan, invois dan resit rasmi |
| **Bukti tuntutan** | Tangkapan skrin sendiri | Laporan KPI dengan pautan dan tangkapan skrin bertarikh |

07 · TERMA & PROSES TEMPAHAN

# DARI TEMPAHAN KE LAPORAN, ENAM HENTIAN.

| H-21 | 50% | H-14 | | H | H+7 |
|---|---|---|---|---|---|
| **TEMPAH** | **DEPOSIT** | **SERAH BAHAN** | **JADUAL HEBAHAN** | **HARI ACARA** | **LAPORAN KPI** |
| 21 hari sebelum acara, atau 30 hari untuk Rakan Rasmi | Dibayar semasa tempahan; invois dan resit rasmi disediakan | Poster, tentatif, lokasi, pautan pendaftaran dan logo | Ditetapkan bersama penganjur | Baki dijelaskan sebelum hari acara | Dalam 7 hari bekerja, pakej Sokong ke atas |

## Terma

- Bahan lewat boleh mengurangkan bilangan slot hebahan.
- Acara mesti mematuhi Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu. DT berhak menolak acara yang tidak patuh.
- Harga tidak termasuk kos iklan berbayar.
- Harga asal sah sehingga 31 Disember 2027.
- Diskaun 40% untuk Sokong, Utama dan Rakan Rasmi sehingga 31 Disember 2026.

## Soalan lazim

**Acara kami kecil. Perlu bayar?**
Tidak. Pakej Asas kekal percuma: 1 hebahan dalam group FB Info Event Terengganu.

**Boleh guna untuk tuntutan geran?**
Boleh. DT sediakan sebut harga, surat sokongan, invois, resit dan laporan KPI dengan bukti bertarikh.

**Iklan berbayar (boost) termasuk?**
Tidak. Boleh ditambah sebagai add-on: kos iklan sebenar campur 30% yuran urus.

## Kad tempahan ringkas

Isi, ambil gambar dan hantar melalui WhatsApp.

NAMA ACARA _____ PENGANJUR _____ TARIKH ACARA _____

LOKASI _____ PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI _____ TELEFON / WHATSAPP _____

PAKEJ ☐ Asas ☐ Sokong ☐ Utama ☐ Rakan Rasmi PERLU DOKUMEN GERAN? ☐ Ya ☐ Tidak




## JOM BINCANG ACARA ANDA.

*Hantar poster dan tarikh acara melalui WhatsApp. Sebut harga rasmi sampai dalam 2 hari bekerja.*

Ridhwan Musa · Pengasas Bersama
012-785 3626 · telefon / WhatsApp
discoveryterengganu.web@gmail.com
discoveryterengganu.com · point.my

Discovery Terengganu
KUALA NERUS

SUMBER ANGKA

1. Pengikut: akaun media sosial DT, November 2026.
2. Laman web: Google Analytics, Julai–Ogos 2026.
3. Klik point.my: data dalaman Point.my.
4. Tontonan: statistik Threads DT. Foto: galeri DT 2026.
5. Peruntukan pelancongan dan budaya: Belanjawan 2027.
6. Garis panduan acara: Kerajaan Negeri Terengganu.